

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 19/09/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : Mampu tarik pembaca - ANGKASA



ABDUL FATTAH ABDULLAH (empat dari kanan) menunjukkan dokumen selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik antara MyAngkasa Amanah Berhad, MyKhairat Management Services Sdn. Bhd. dan RedOne Network Sdn. Bhd. di Kelana Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/SURIYA BONMA

Mampu tarik pembaca – Angkasa

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Wajah baharu *Utusan Malaysia* yang kini bersaiz kompak mampu menarik para pembaca baharu dan lama sekali gus kekal sebagai akhbar nombor satu di negara ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, beliau secara peribadi begitu tertarik dengan wajah

baharu tersebut kerana nampak lebih segar dan meninggalkan imej lama ketika bersaiz besar.

“Sebagai orang lama, pada saya saiz besar itu lebih menarik dan sepatutnya dikekalkan tetapi apabila sudah bertukar kompak, saya melihat ia masih *Utusan Malaysia* yang penuh wibawa sebagai akhbar yang banyak memperjuangkan per-

gerakan koperasi di negara ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara MyAngkasa Amanah Berhad, MyKhairat Management Services Sdn. Bhd. dan RedOne Network Sdn. Bhd. di Kelana Jaya dekat sini, hari ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA